

Harapan Barisan tambah majoriti

TAMPIN, Jumaat — Barisan Nasional bersedia untuk memenangi pilihanraya kecil Parlimen Tampin esok dengan harapan untuk menambah majoritinya berbanding dengan pilihanraya umum 1982.

Pemerhati-pemerhati politik di sini berpendapat, soal kalah menang tidak timbul bagi BN berdasarkan rekod cemerlangnya, tidak pernah tewas di Tampin di masa lalu.

Apa yang ingin diketahui ialah sejauh mana dasar dan rancangan pembangunan kerajaan BN pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir sejak pilihanraya umum April 1982 disambut oleh rakyat di sini.

Majoriti yang bertambah bererti penerimaan penduduk Tampin terhadap dasar-dasar baru yang diamalkan oleh kerajaan hari ini.

Dalam pilihanraya tahun lalu, bekas Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim memperolehi majoriti sebanyak 20,995 undi, menewaskan calon DAP yang mendapat 6,608 undi dan wakil Pas yang menerima hanya 3,068 undi dan hilang wang pertuarhan.

Tiga calon yang bertanding dalam pilihanraya kecil kali ini ialah Encik Omar Abdullah, 32, dari BN, Encik Muhammad Mansor Kellwan, 43, dari Pas dan calon Bebas, Encik Liew Cheong Wye, 30.

Walaupun pertandingan ini tiga penjurua, para pemerhati berkata, ia hanya antara BN dan Pas kerana calon Bebas langsung tidak kelihatan berkempen untuk memberi tentangan.

Berbanding dengan kemeriahan dan seriusnya pilihanraya-pilihanraya kecil di

Kelantan dan Terengganu khususnya antara BN dan Pas keadaan di sini adalah seperti biasa bagi kebanyakan penduduk Tampin.

Hanya poster-poster dan sepanduk BN banyak kelihatan di kawasan-kawasan seluruh daerah ini di selang-seli dengan poster Pas.

BN menganjurkan kira-kira 400 majlis ceramah sejak penamaan calon 6 September lalu, di ketiga-tiga kawasan Dewan Undangan Negeri daerah ini.

Pas pula hanya menumpukan ceramah-ceramahnya di beberapa kawasan sekitar Felda Palong dan markasnya di Kampung Astana Raja dekat Kota.

Mempengaruhi

Namun demikian beberapa penduduk pekan Tampin yang ditemui menyatakan isu-isu yang dibawa oleh Pas dalam kempen ceramahnya tidak menyentuh kehidupan seharian mereka.

Kalau pun ada, kata seorang petani, mereka cuba mempengaruhi penjero-penjero Felda di Palong dan Bukit Rokan.

Tetapi ini dipatahkan oleh penceramah BN, khususnya Ketua Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Datuk Rais Yatim yang juga Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah.

Ini diakui oleh beberapa pemerhati yang menyatakan Pas seolah-olah "memindahkan" kempenya dalam pilihanraya kecil Selising dan Kemumin di Kelantan ke Tampin setelah ia tewas di sana awal bulan ini.

Ini terbukti dengan bilangan penceramah dan penyokong yang dibawa oleh parti itu dari Kelantan dan Terengganu untuk mempengaruhi penduduk sekitar kawasan Felda.

Tetapi kempen-kempen Pas itu diserang balas oleh BN dengan membawa juga tenaga jentera



partinya daripada kedua-dua negeri itu, termasuk wakil rakyat Selising yang baru.

Ketua Penerangan Umno Malaysia, Datuk Hussien Ahmad sendiri menyatakan dalam satu ceramahnya bahawa isu yang digunakan oleh Pas untuk memancing undi di Tampin sudah lapuk.

Katanya, rakyat Kelantan dan Terengganu sudah menolak Pas kerana isu kafir-mengkafirnya dan oleh itu beliau tidak nampak kenapa pengundi Tampin pula mahu menerima parti itu.

Penyokong-penyokong Pas di sini mendakwa perletakan jawatan Ketua Umno cawangan Palong Enam, Encik Yusof Ujang untuk menyertai parti itu memberikan sokongan moral kepada Pas untuk menang dalam pilihanraya ini.

Tetapi pemimpin-pemimpin Umno di sini termasuk Setiausaha Agung Umno Malaysia, Datuk Haji Mustafa Jabar berkata, kemenangan besar calon BN di Tampin tidak akan terjejas dengan tindakan Encik Yusof.

Menurut mereka, tindakan itu adalah kerana kekecewaan seorang individu yang tidak mendapat feadh peribadi daripada Umno dan tidak membabitkan ahli-ahli yang lain.